

Ironi Dalam Bahasa Kiasan Punjabi: Analisis Semantik Inkuisitif

Irony in Punjabi Language: An Inquisitive Semantic Analysis
BALVEEN KAUR* & MARY FATIMAH SUBET

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

* Corresponding author: veen_5096@yahoo.com

ABSTRAK

Bahasa merupakan satu medium penyampaian pelbagai hasrat yang berkesan. Kajian ini mengkaji bahasa kiasan Punjabi yang digunakan oleh masyarakat Sikh di Malaysia. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti unsur haiwan dalam bahasa kiasan Punjabi. Kajian ini berbentuk kualitatif. Lima bahasa kiasan yang berunsurkan haiwan yang dikutip melalui kaedah temu bual dianalisis berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Hasil kajian mendapati bahawa ada beberapa nasihat melalui bahasa kiasan yang memasukkan unsur haiwan dalam ujarannya. Didapati makna pada peringkat permukaan semantik, cuma memaparkan makna selapis sahaja. Dengan pendekatan semantik inkuisitif, dapatkan kajian menunjukkan penyebutan unsur haiwan dalam ujaran bahasa kiasan masyarakat Punjabi berbaur ironi dan mempunyai falsafah kehidupan masyarakat ini. Setiap bahasa kiasan yang dianalisis memaparkan makna berlapis yang perlu dikupas dengan mengaitkan makna selapis berkenaan dengan kehidupan masyarakat Punjabi secara keseluruhan yang merangkumi aspek norma dan pemikiran mereka serta tindak tanduk kehidupan yang mereka harungi seharian. Kajian juga mendapati bahawa ujaran kiasan ini dicipta berdasarkan pengamatan terhadap persekitaran dan alam pemikiran mereka yang berbentuk abstrak dan memerlukan pengamatan teliti. Akhirnya, didapati bahawa pendekatan semantik inkuisitif yang menggabungjalinkan data, teori, kognitif, falsafah dan akal budi sesebuah masyarakat dapat memaparkan makna sebenar yang hendak disampaikan menerusi bahasa kiasan ini. Dengan kaedah semantik skrip, makna selapis mudah diketahui. Kemudian dengan semantik resonans, pemetaan makna selapis ini dikaitkan dengan kognitif penutur dan akhirnya dengan analisis semantik inkuisitif, makna yang lebih deskriptif dapat dijelmakan. Kaitan makna dapat dikonstruk satu per satu dengan tiga peringkat analisis dalam semantik inkuisitif. Makna yang diperoleh lebih tinggi kesahannya.

Kata kunci: bahasa kiasan, masyarakat Punjabi, falsafah dan akal budi, semantik, semantik inkuisitif.

ABSTRACT

Language is a medium of delivering variety of effective desires. This study examines the Punjabi language used by the Sikhs in Malaysia. The objective of the study is to identify animal elements in the Punjabi figurative language. This study is qualitative. The five animal figurative languages cited by the interview method were analyzed based on the inquisitive semantic approach Nor Hashimah Jalaluddin (2014). The findings suggest that there are some advice through figurative language that incorporates animal elements in his speech. The meanings of the semantic surface mean that it only shows the meaning of a layer. With the inquisitive semantic approach, the findings of the study show the mention of animal elements in the speech of the folklore language of the societal society mixed with irony and have the philosophy of the life of this society. Each figurative language analyzed illustrates the layered meaning that needs to be peered by linking the meanings of the society to the whole of society as well as aspects of their norms and thoughts as well as the actions of their daily life. Studies have also found that these metaphysical utterances are based on observations of their abstract-shaped environment and nature and require careful observation. Finally, it is found that the inquisitive semantic approach that combines the data, theories, the cognition and the philosophy and the minds of a society can reveal the true meaning to be conveyed through this metaphorical language. With the semantics of the script, the meaning of the simplest is known. Then with the semantics of resonance, the mapping of the meaning of this layer is associated with the cognitive of the speaker and ultimately with the inquisitive semantic analysis, a more descriptive meaning can be manifested. The connotation of the meaning can be constructed one by one with three levels of analysis in semantic incuity. The meanings obtained are higher in legality.

Keywords: Figurative languages, Punjabi community, philosophy, mind, semantic, inquisitive semantic.

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons AttributionNonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.